



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DEEPAVALI BAGI**  
**GOLONGAN KURANG UPAYA DAN ANAK-ANAK YATIM BAGI**  
**TAHUN 2021**  
**ANJURAN BISTARI NEGERI MELAKA**  
**TARIKH: 23 OKTOBER 2021 (SABTU), MASA: 9.00 PAGI**  
**DEWAN SERI BENDAHARA, KEDIAMAN RASMI**  
**KETUA MENTERI MELAKA.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;  
Vanakkam, dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis;

**Yang Amat Berbahagia Datin Seri Utama Datuk Wira  
Hjh. Munira binti M. Yusop,  
Pengerusi BISTARI Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datin Seri Zuriyah binti Abdul Aziz,  
Isteri Kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datin Seri Hjh. Zainun binti Tun Ghafar,  
Isteri kepada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I merangkap Timbalan Pengerusi BISTARI Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datuk Wira M.S Mahadevan A/L Sanacy,  
Setiausaha Khas Hal Ehwal Masyarakat kepada YAB Ketua Menteri Melaka merangkap Pengerusi MIC Negeri Melaka;**

**Yang Berusaha Encik Burhanuddin bin Bachik,  
Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka;**

**Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin;**

**Seterusnya, Tuan-tuan, Puan-puan, Rakan-rakan  
Media, serta Hadirin – hadirat Sekalian,**

## **MUKADIMAH**

1. ***Sau vi kiyama?*** Apa khabar semua? Saya harap semua yang hadir pada hari ini berada dalam keadaan yang sihat serta sentiasa dijauhi daripada wabak COVID-19.
2. Saya bersyukur diberikan kelapangan waktu untuk hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Deepavali anjuran BISTARI Negeri Melaka bagi Tahun 2021 pada pagi ini.

3. Pertama-tamanya, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada BISTARI Negeri Melaka dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka kerana telah berjaya mengatur dan mengelola Program Penyampaian Sumbangan Deepavali pada pagi yang permai ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

## **MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DEEPAVALI**

4. Di kesempatan ini juga, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis pada pagi ini selain bertemu dengan tuan-tuan, puan-puan serta anak-anak yang diraikan.
  
5. Sebagaimana kita semua sedia maklum, pada 18 Oktober 2021, Negeri Melaka telah pun beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) di mana banyak kelonggaran telah diberikan oleh kerajaan dengan

mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

6. Saya cukup yakin dan percaya, tuan-tuan dan puan-puan semestinya sangat gembira untuk menyambut Pesta Cahaya atau Perayaan Deepavali pada tahun ini, kerana kini tiada lagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, sebaliknya pergerakan rentas negeri dibenarkan. Ini bermakna tuan-tuan dan puan-puan juga dibenarkan untuk berkumpul bersama keluarga dan menziarahi sahabat-handai.



7. Sungguhpun begitu, saya ingin berpesan kepada semua, supaya sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan, jaga penjarakan, sentiasa memakai pelitup muka dan membasuh tangan atau menggunakan *hand sanitizer* jika pergi ke mana-mana semasa menyambut perayaan ini. Saya yakin, dengan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan, kita pasti dapat memutuskan rantai wabak COVID-19 dan menjalani kehidupan seperti sedia kala.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

8. Seperti mana yang isteri saya, maklumkan dalam ucapannya sebentar tadi, perayaan Deepavali ini lazimnya akan disambut oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Begitulah keistimewaan setiap sambutan perayaan yang disambut dan diraikan di negara kita.
  
9. Justeru, kita sebagai manusia, perlulah sentiasa bersyukur kerana kita amat beruntung dan bertuah dapat hidup dalam keadaan rukun dan damai didukung dengan perpaduan yang utuh tanpa mengira bangsa dan agama.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Saya difahamkan pada hari ini, seramai **90 orang** yang berada di hadapan saya ini bakal menerima sumbangan perayaan Hari Deepavali. Semoga, sumbangan ini sedikit sebanyak dapat menceriaikan dan memberi kegembiraan kepada tuan-tuan dan puan-puan untuk meraikan Perayaan Deepavali pada 4 November 2021 nanti.
11. Saya percaya, usaha dan kesungguhan mendekati golongan kurang berkemampuan seperti ini boleh membantu memberi peluang serta ruang untuk

golongan yang lebih berkemampuan mendekati dan menggembirakan mereka.

12. Sesungguhnya para pemimpin masyarakat hendaklah sentiasa memainkan peranan dengan berusaha menyemai dan memupuk perpaduan antara kaum, kerana saya yakin dan percaya, inilah wadah dan falsafah di sebalik kerangka besar Melaka Rumahku, yang kita diami ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

13. Saya akhiri ucapan saya dengan ungkapan "***Eniya Deepavali Nal Vaalthukal***". Selamat menyambut Hari Deepavali kepada rakyat Melaka yang beragama Hindu dengan harapan, perayaan ini akan membawa cahaya kebahagiaan dan keharmonian yang lebih gemilang kepada kita semua.
  
14. Oleh itu, dengan sukacita dan bangga, saya merasmikan **Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan Deepavali Tahun 2021.**

Sekian,

Wabillahitaufik, walhidayah wassalamualaikum  
waramatullahi wabarakatuh. terima kasih

**-TAMAT-**